



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN PEMULIHARAAN KUBU ALICE DI SRI AMAN,
SARAWAK**

Roziana binti Sudin

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2016**

**PENGURUSAN PEMULIHARAAN KUBU ALICE DI SRI AMAN,
SARAWAK**

ROZIANA BINTI SUDIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2016.

Student's Declaration:

I ROZIANA BINTI SUDIN, 45146, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitled **PENGURUSAN PEMULIHARAAN KUBU ALICE DI SRI AMAN, SARAWAK** is my original work. I have not copied from any student's work or any other sources except where due reference or acknowledge is made explicitly in the next, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

Roziana binti Sudin (45146)

Supervisor's Declaration:

I ALEXANDER ANAK CHELUM hereby certifies that the work entitled **PENGURUSAN PEMULIHARAAN KUBU ALICE DI SRI AMAN, SARAWAK** was prepared by the above name student, and was submitted to the "FACULTY" as a partial / full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONORS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____
(Alexander anak Chelum)

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follow:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's Signature: _____

Supervisor's signature: _____

Current Address:

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk '**Pengurusan pemuliharaan Kubu Alice di Sri Aman, Sarawak**' telah disediakan oleh **Roziana binti Sudin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Nama Penyelia)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam sejahtera...

Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana limpah kurnia-nya saya dapat menyiapkan kajian dengan lancar dan sempurna.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah pengurusan seni terutamanya penyelia saya iaitu Encik Alexander Ak Chelum yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Selain itu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pegawai Jabatan muzium Sarawak iaitu Encik Tazudin Mokhtar dan Encik Mike Boon, arkitek pemuliharaan dari syarikat Arkitek JFN Sdn Bhd kerana telah banyak memberi kerjasama, bantuan serta maklumat dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih juga kepada keluarga saya yang membantu secara langsung mahupun tidak dalam mendorong saya untuk menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang memberi bantuan serta sokongan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini.

Di akhir kata. Saya mengucapkan terima kasih diatas segalanya. Jasa kalian amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA
SURAT	
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	v
Senarai Gambar Rajah	vi
Senarai Gambar	vii
Senarai Singkatan	viii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan kajian	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Permasalahan kajian	4
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Persoalan kajian	5
1.6 Signifikan kajian	6
1.7 Skop kajian	7
1.8 Lokasi kajian	8
1.9 Kesimpulan	10

BAB 2 SOROTAN KESUSATERAAN/ KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	11
2.2 Sejarah Kubu Alice	11
2.3 Definisi	14
2.4 Prinsip pemuliharaan	23
2.5 Etikapemuliharaan	24
2.6 Proses pemuliharaan	25
2.7 Kepentingan pemuliharaan	37
2.8 Kesimpulan	39

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan	40
3.2 Kaedah kajian	41
3.3 Populasi dan persampelan	42
3.4 Kerangka kajian	43
3.5 Kaedah pengumpulan data primer	48
3.6 Kaedah pengumpulan data sekunder	50
3.7 Insturmen kajian	52

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	53
4.2 Hasil temu ramah	54
4.3 Maklumat daripada informen	55
4.3.1 Objektif 1	55
4.3.2 Objektif 2	70
4.3.3 Objektif 3	93
4.4 Kesimpulan	95

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	96
5.2 Perbincangan	96
5.3 Penemuan kajian	101
5.4 Cadangan	103
5.5 Implikasi	104
5.6 Kesimpulan	107

RUJUKAN

108

LAMPIRAN

112

ABSTRAK

Kubu Alice merupakan peninggalan bersejarah kesan pemerintahan Charles Brooke di Sarawak pada suatu masa dahulu. Bagi mengekalkan keadaan Kubu Alice, proses pemuliharaan telah dijalankan untuk menjamin struktur, reka bentuk dan nilai seni bina Kubu Alice. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengendalian projek serta mengetahui proses pemuliharaan yang diaplikasikan di dalam projek pemuliharaan Kubu Alice. Kajian juga memperlihatkan kepentingan pembangunan semula Kubu Alice sebagai muzium warisan di Sri Aman. Data dikumpul menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan temu bual bersama-sama informen yang pakar dalam bidang permuziuman dan pemuliharaan bangunan warisan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengurusan pemuliharaan Kubu Alice mengambil kira semua bentuk aspek kepentingan budaya tanpa memberi penekanan yang boleh merugikan sesiapa. Implikasi kajian ini membuktikan pemuliharaan Kubu Alice adalah signifikan untuk memastikan bangunan warisan di Sarawak terus dipelihara agar tidak diancam kemusnahan.

ABSTRACT

Fort Alice is a historic building in Charles Brooke regime in Sarawak for long time ago. To maintain the condition of Fort Alice, the conservation process has been carried out to ensure the maintenance of the structure, design and architecture of the Fort Alice. Therefore, this study aimed to identify the conservation project operation and the conservation process applied in the conservation of Fort Alice project. The study also highlight the importance of the new development of Fort Alice as a heritage museum in Sri Aman. Data collected using a qualitative methods through an interviews with the experts in the field of museum management and conservator of heritage buildings. The results show that the conservation management of Fort Alice account all aspects of cultural significance without emphasizing that may bring losses to anyone. The implications of this study is demonstrate the conservation of Fort Alice as a significant to ensure the heritage buildings in Sarawak continue to be maintained in order not threatened by any destruction.

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
3.1 Data Demografi	43
3.2 Contoh soalan temu bual	49
4.1 Diskripsi skop kerja pemuliharaan	74

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
2.1 Piagam pemuliharaan ICOMOS Australia	18
4.1 Carta organisasi projek pemuliharaan Kubu Alice	61

SENARAI GAMBAR RAJAH

SENARAI GAMBAR RAJAH	MUKA SURAT
4.1 Proses Pemuliharaan Kubu Alice	79
4.2 Aktiviti-aktiviti pembongkaran dan perobohan	84

SENARAI GAMBAR

SENARAI GAMBAR	MUKA SURAT
1.1 Lokasi <i>simanggang fort</i>	9
4.1 Panel-panel pameran	66
4.2 Contoh koleksi yang dipamerkan	67
4.3 Contoh Fotografi keadaan semasa Kubu Alice	71
4.4 Pemasangan pagar besi	80
4.5 Proses dokumentasi fabric	82
4.6 Proses pembongkaran pada bahagian atap	83
4.7 Bahagian Kubu Alice yang rosak	85
4.8 Pelan 3D Kubu Alice	87
4.9 Papan tanda utama	89
4.10 Penemuan Artifak	91
4.11 Ruang mahkamah	92

SENARAI SINGKATAN
SINGKATAN

FOFA	: Friends of fort Alice
ICOMOS	: International Council on Monuments and Sites
JKR	: Jabatan Kerja Raya
JMS	: Jabatan Muzium Sarawak
NGO	: Non-Government Organization
RMK	: Rancangan Malaysia Ke
UNIMAS	: Universiti Malaysia Sarawak
UKIC	: United Kingdom Institute for Conservation

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGKENALAN KAJIAN

Kajian ini adalah sebuah kajian berkaitan pengurusan pemuliharaan Kubu Alice iaitu muzium warisan di Sri Aman Sarawak. Kajian ini menyentuh isu berkaitan kaedah pengendalian projek yang diguna pakai oleh pihak Jabatan Muzium Sarawak di dalam projek pemuliharaan Kubu Alice. Kajian ini juga mendokumentasikan proses pemuliharaan yang diaplikasikan di dalam projek pemuliharaan Kubu Alice oleh arkitek pemuliharaan. Kajian ini juga memperlihatkan kepentingan pembangunan semula Kubu Alice sebagai muzium warisan di Sri Aman.

Pemuliharaan Kubu Alice sangat penting dalam mengekalkan warisan sejarah negeri Sarawak. Pengekalan warisan bersejarah seperti Kubu Alice menfokuskan aspek-aspek seperti keadaan bangunan, reka bentuk dan struktur bangunan. Selain itu, kaedah pengendalian projek memerlukan prosedur yang betul bagi menjamin proses pemuliharaan yang efisien oleh pihak Jabatan Muzium Sarawak serta Arkitek pemuliharaan yang terlibat di dalam projek pemuliharaan kubu Alice.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejarah Kubu Alice wujud seiring dengan perkembangan daerah Sri Aman. Kubu Alice dibina di atas bukit di tebingan sungai Batang Lumar. Kubu Alice merupakan salah satu bangunan yang bersejarah di Sarawak. Dianggarkan berusia lebih 150 tahun, Kubu Alice juga telah diistiharkan sebagai monumen bersejarah pada 10 Februari 1971 oleh Jabatan Muzium Sarawak. Kubu Alice berasal dari Kubu James yang dibina pada tahun 1849 di muara Sungai Skrang. Kedudukan Kubu James yang kurang strategik dan sering dilanda banjir menyebabkan Sir Charles Brooke memindahkan kubu tersebut di tebingan sungai Batang Lumar. Kubu tersebut dinamakan sebagai Kubu Alice bersemesta nama isteri Sir Charles Brooke, iaitu Ranee Margaret Alice pada tahun 1970.

- Di ancam kemusnahan**

Kubu Alice pada sepuluh tahun yang lalu diancam kemusnahan. Terbengkalai dari proses pemulihan selama beberapa tahun menyebabkan Kubu Alice berada dalam keadaan usang dan rosak. Kerosakan pada struktur bangunan jelas terlihat pada keadaan yang rosak akibat dimakan anai-anai dan faktor cuaca. Keadaan Kubu Alice yang usang menjadi kawasan tumpuan penagih dadah oleh segelintir masykat. (Irene, C. 2013: *Borneo Post Online*). Oleh hal yang demikian, segelintir masyarakat takut untuk menghampiri kawasan tersebut kerana bimbang akan keselamatan mereka. Oleh itu, pemuliharaan Kubu Alice amat penting seiring dengan perkembangan sejarah di Sri Aman untuk mengekalkan sejarah yang terdapat di Sarawak secara am nya.

- **Pemuliharaan Kubu Alice**

Projek pemuliharaan kubu-kubu bersejarah di Sarawak telah diberikan tumpuan sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan pihak Jabatan Muzium Sarawak. Pemuliharaan Kubu Alice telah mendapat dana sebanyak 5 juta di bawah RMK-10 (20 April 2015: <http://www.utusan.com.my>). Projek pemuliharaan Kubu Alice bermula pada 28 Mei 2013 dan dilaksanakan oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya Kuching (JKR) bersama para konsultan , konservator dan pihak kontraktor. Projek pemuliharaan tersebut telah diketuai oleh arkitek pemuliharaan iaitu Encik Mike Boon dari syarikat Arkitek JFN Sdn Bhd. Projek pemulihan Kubu Alice telah bermula pada sepuluh tahun lalu. Akibat daripada kekurangan dana, perancangan tersebut tergendala sehingga dana diterima pada tahun 2013.

Pemulihan Kubu Alice melibatkan proses pemuliharaan berdasarkan prinsip pemuliharaan. Antara proses pemuliharaan yang dijalankan adalah merekod kesemua komponen Kubu Alice dan disimpan untuk proses guna semula. Bahan yang rosak teruk akan dihapuskan manakala bahan yang masih dalam keadaan baik akan dipilih sebagai koleksi untuk dipamerkan di sudut galeri pameran. Projek pemuliharaan ini telah melibatkan pihak yang pakar dan berpengalaman di dalam bidang permuziuman dan kerja-kerja pemuliharaan bangunan bersejarah.

Secara umumnya, kajian ini memfokuskan pengurusan pemuliharaan Kubu Alice di Sri Aman, Sarawak. Kajian ini menghuraikan isu berkaitan kaedah pengendalian projek serta proses pemuliharaan yang diaplikasikan di dalam

pemuliharaan Kubu Alice dan memperlihatkan kepentingan pembangunan semula Kubu Alice sebagai muzium warisan.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat beberapa isu yang menjadi masalah kepada pengurusan pemuliharaan Kubu Alice yang dikenal pasti oleh pengkaji. Antaranya adalah proses pemuliharaan Kubu Alice melibatkan proses yang terperinci dan memerlukan penyelidikan mendalam sebelum proses pemuliharaan dilakukan. Merujuk artikel *Bringing the shine back to Fort Alice*, projek pemuliharaan Kubu Alice memerlukan penyelidikan terperinci terhadap struktur bangunan dan melibatkan prosedur yang tetap untuk mengelakkan kerosakan struktur dan seni bina bangunan. Selain itu, menurut Irene C. (2013), kekurangan dana untuk pemuliharaan Kubu Alice pada 10 tahun yang lepas mengakibatkan proses pemuliharaan Kubu Alice terbengkalai. Keadaan Kubu Alice yang diancam kemusnahan memberi cabaran kepada pihak pelaksana di dalam proses pemuliharaan. Sekali gus, ia memberi peluang kepada pihak yang berkemahiran di dalam bidang pemuliharaan bangunan bersejarah untuk melakukan proses pemuliharaan. Permasalahan kajian yang seterusnya ialah kesedaran masyarakat yang kurang terhadap kepentingan pemuliharaan Kubu Alice. Merujuk Irene, C. (2013) lagi, Kubu Alice dianggarkan berusia 150 tahun diancam kemusnahan serta diabaikan oleh masyarakat dan menjadi sarang penagih dadah.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang telah dikenal pasti oleh pengkaji untuk mencapai butiran maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini. Antara objektif yang berperanan sebagai penyelesaian terhadap permasalahan kajian ini ialah:

- 1.4.1 Mengetahui kaedah pengendalian projek pemuliharaan Kubu Alice oleh pihak Jabatan muzium Sarawak.
- 1.4.2 Mendokumentasikan proses pemuliharaan yang diaplikasikan di dalam projek pemuliharaan Kubu Alice oleh arkitek pemuliharaan.
- 1.4.3 Mengenal pasti kepentingan pembangunan semula Kubu Alice sebagai muzium warisan Sri Aman.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian dalam kajian ini. Antaranya adalah:

- 1) Apakah kaedah pengendalian yang digunakan oleh pihak Jabatan muzium Sarawak di dalam projek pemuliharaan Kubu Alice?
- 2) Apakah proses pemuliharaan yang diaplikasikan oleh arkitek pemuliharaan dalam projek pemuliharaan Kubu Alice?
- 3) Apakah kepentingan pembangunan semula Kubu Alice sebagai muzium warisan Sri Aman?

1.6 SIGNIFIKAN KAJIAN

Pengkaji menyenaraikan beberapa signifikan kajian yang merangkumi beberapa aspek iaitu:

1.6.1 Pihak pengurusan projek pemuliharaan Kubu Alice

Kajian ini berkepentingan kepada pihak pengurusan muzium, kakitangan kerajaan dan bukan kerajaan terutamanya agensi pelaksana pemuliharaan bangunan warisan. Menerusi kajian ini, agensi pelaksana yang terlibat dalam kerja pemuliharaan akan mengetahui lebih lanjut mengenai kaedah pengendalian projek pemuliharaan sesuatu harta warisan seperti bangunan bersejarah. Selain itu, kajian ini juga dapat mendokumentasikan proses pemuliharaan yang diaplikasikan mengikut prinsip dan etika pemuliharaan. Kajian ini turut memberi kelebihan kepada pihak pengurusan pemuliharaan bagi membaiki kelemahan yang wujud dalam mengendalikan projek pemuliharaan yang akan datang kelak.

1.6.2 Masyarakat

Kubu Alice telah diiktiraf sebagai muzium warisan Sri Aman. Melalui pengiktirafan ini, masyarakat dapat mengatahui sejarah Kubu Alice terutamanya masyarakat di Sri Aman. Pemuliharaan Kubu Alice ini akan menjadikan masyarakat lebih menghargai sejarah warisan yang dimiliki dan mendapat kesedaran kepentingan pemuliharaan Kubu Alice.

1.6.3 Pelajar

Pendedahan tentang sejarah Kubu Alice kepada para pelajar sekolah membuatkan para pelajar berkeinginan untuk melihat secara dekat akan bangunan bersejarah Kubu Alice. Pengurusan yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai muzium, agensi pelaksana dan arkitek pemuliharaan yang berpengalaman dapat memberikan pendedahan kepada para pelajar berkenaan dengan pemuliharaan Kubu Alice pada peringkat permulaan dan situasi terkini kubu terbabit.

1.6.4 Pengkaji akan datang

Kajian ini akan membantu pengkaji lain untuk menjadikan kajian ini sebagai rujukan. Pengkaji akan datang juga berpeluang untuk menjalankan kajian secara mendalam lagi berdasarkan kajian yang telah dilakukan.

1.7 SKOP KAJIAN

1.7.1 Kubu Alice

Pengkaji akan menjalankan kajian dengan menfokuskan skop kajian di muzium warisan Kubu Alice di Sri Aman, Sarawak. Pengkaji akan menggunakan pendekatan temu bual dengan pegawai-pegawai di Jabatan Muzium Sarawak dan kakitangan dari syarikat Arkitek JFN Sdn Bhd untuk memenuhi maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

1.7.2 Bahagian pengurusan pemuliharaan muzium Kubu Alice

Pengkaji akan menemu ramah pegawai yang terlibat dalam projek pemuliharaan Kubu Alice. Di sini, pengkaji akan meneliti pengurusan pihak Jabatan Muzium Sarawak dalam mengendalikan projek pemuliharaan Kubu Alice dari permulaan projek hingga akhir projek seperti pengurusan awalan projek, pengurusan dana, pengurusan koleksi, mereka bentuk sudut dalaman, pengurusan tenaga kerja dan penganjuran program-program komuniti.

1.7.3 Agensi pelaksana projek pemuliharaan Kubu Alice


Pihak Arkitek Pemuliharaan akan membantu pengkaji dari segi perolehan maklumat. Pengkaji akan meneliti proses pemuliharaan yang diaplikasikan oleh Arkitek Pemuliharaan di dalam projek pemuliharaan Kubu Alice seperti penyelengaraan, pembinaan, pemulihan, penyimpanan, mereka bentuk sudut pameran, penemuan koleksi, penambahan dan pengubahsuaian bangunan.

1.8 LOKASI KAJIAN

Kubu Alice dibina oleh Charles Brooke dan dinamakan sebagai Kubu Alice bersempena dengan nama isterinya Ranee Margaret Alice pada tahun 1970. Kubu Alice juga dikenali sebagai *Simanggang fort* atau Kubu Simanggang. Lokasi terkini

Kubu Alice adalah berdekatan dengan Bandar Sri Aman. Kubu Alice terletak di Jalan Astana, 95000 Sri Aman, Sarawak.

Gambar 1.1: Lokasi *simanggang fort*



(Sumber: Buku Chinese pioneers of the Sarawak frontier

1841-194, m/s 64)

1.9 KESIMPULAN

Bab satu menerangkan tentang perkara yang hendak dikaji iaitu isu berkaitan pengurusan pemuliharaan Kubu Alice. Kajian ini memfokuskan pengurusan pemuliharaan Kubu Alice di Sri Aman, Sarawak.

Selain itu, pengkaji menjelaskan latar belakang kajian yang menyentuh tentang perkara berkaitan pengurusan pihak Jabatan Muzium Sarawak dan Arkitek pemuliharaan di dalam projek pemuliharaan Kubu Alice. Pengkaji juga menjelaskan secara terperinci mengenai sejarah Kubu Alice sebagai medan kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat.

Pengkaji turut menjelaskan tentang permasalahan objektif dan persoalan bagi kajian ini. Lokasi kajian turut dinyatakan oleh pengkaji. Pengkaji turut menerangkan kepentingan kajian ini kepada pihak tertentu. Secara keseluruhannya Bab satu menerangkan tentang pokok pangkal perkara yang hendak dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini.